



## **KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

### **PERMOHONAN SKIM GERAN PENULISAN KES *CASE WRITING GRANT SCHEME (CWGS)***

**GARIS PANDUAN  
2016**

## KANDUNGAN

<b>BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)</b>	<b>3</b>
1.1 Falsafah	3
1.2 Definisi	4
1.3 Tujuan	4
1.4 Bidang Tumpuan Utama	4
1.5 Syarat-Syarat Permohonan	5
1.6 Peraturan Permohonan	6
1.7 Kriteria Penilaian Permohonan	6
1.8 Kaedah Penyaluran Dana	7
1.9 Peraturan Kewangan	7
1.10 Hasil Projek	9
1.11 Pengumuman Tarikh Buka dan Tarikh Tutup Permohonan	9
<b>BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)</b>	<b>10</b>
2.1 Penilaian Permohonan	10
<b>BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)</b>	<b>11</b>
3.1 Implementasi Projek	11
3.2 Pengawalan Projek	11
<b>BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)</b>	<b>12</b>
4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	12
<b>BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)</b>	<b>13</b>
5.1 Ketua Program Berhenti Bertugas di IPT/Berpindah IPT	13

## **BAHAGIAN 1**

### **PERMOHONAN**

#### **1.1 FALSAFAH**

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) merupakan dokumen yang menterjemahkan hala tuju pengajian tinggi negara yang memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dan intelek berkualiti bagi mendukung dan menjayakan aspirasi negara untuk menjadi makmur dan kompetitif. Matlamat pengajian tinggi ialah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan di samping mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi (berfikiran analitikal dan kritikal, berupaya menyelesaikan masalah dan penaakulan).

Oleh yang demikian, bagi menjana pembangunan modal insan dan intelek, Skim Geran Penulisan Kes - CWGS dirangka untuk mengalakkan pemindahan ilmu melalui penulisan kes berdasarkan industri yang relevan untuk tujuan memperluaskan dan memperkukuhkan ilmu masyarakat dari pelbagai lapisan. Secara terperinci, misi CWGS dapat diterjemahkan seperti di bawah:

- CWGS mampu mendokong pelbagai aktiviti untuk menyokong kerjasama yang saling menguntungkan di antara universiti dan industri (termasuklah agensi kerajaan/agensi bukan kerajaan/sector awam);
- CWGS mampu menyediakan pelantar untuk pertukaran harta intelek ketara (tangible) dan tidak ketara (intangible), kepakaran, pembelajaran dan kemahiran antara akademia dan industri; dan
- CWGS mampu merangkumi bentuk interaksi termasuk kajian bersama, perundingan, pendidikan, latihan, pembangunan siswazah, persidangan, berkongsi kemudahan fizikal dan penempatan pelajar.

Inisiatif gabungan IPT dan industri di lihat sebagai saling bermanfaat melalui empat aspek:

- Akademia: mampu menghasilkan kajian kes berdasarkan realiti sebenar di industri dalam usaha menggabungkan ilmu terbaharu daripada industri dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan.

- Industri: dapat memanfaatkan sumber daya IPT untuk meningkatkan kemampuan perniagaan dan manfaat ekonomi mereka melalui pembelajaran dalam kajian kes.
- *Graduate Intern*: meningkatkan pembangunan peribadi dan profesional pelajar dan graduan.
- Pelajar: meningkatkan pemahaman dalam pembelajaran melalui pendekatan kajian kes yang terhasil.

## 1.2 DEFINISI

CWGS merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menggalakkan aktiviti penulisan kajian kes. Kes yang terhasil dari susulan pemberian geran ini akan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi membantu menghasilkan graduan yang berpengetahuan tinggi dan kompeten.

## 1.3 TUJUAN

Tujuan skim geran ini adalah untuk memberi galakan kepada IPT Malaysia dalam membantu menyampaikan dan memindahkan ilmu dari industri ke pelbagai lapisan masyarakat melalui penceritaan kajian kes. Pengetahuan yang akan dipindahkan harus didasarkan kepada tatatusila penulisan kajian kes antarabangsa.

## 1.4 BIDANG TUMPUAN UTAMA

Pembiayaan geran Penulisan Kes (CWGS) meliputi kluster asas yang dapat menyokong agenda strategik negara. Kluster yang dikenalpasti adalah:

- 1.4.1 Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Science)
- 1.4.2 Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering)
- 1.4.3 Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical and Health Sciences)
- 1.4.4 Sains Sosial (Social Sciences)
- 1.4.5 Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts)
- 1.4.6 Sains Tabii dan Warisan Negara (Natural Sciences and National Heritage)
- 1.4.7 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology)

## 1.5 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik IPT dengan syarat-syarat berikut:

- 1.5.1 Warganegara Malaysia; dan
- 1.5.2 Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); atau
- 1.5.3 Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai ahli bersama bertaraf tetap.
- 1.5.4 Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai ahli bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
- 1.5.5 Ketua Projek boleh memasukkan ahli bersama daripada IPT bertaraf Universiti.
- 1.5.6 Setiap projek yang dipohon perlulah memasukkan sekurang-kurangnya satu rakan perkongsian daripada industri.
- 1.5.7 Setiap projek yang lengkap harus disertakan dengan Borang Kebenaran Kerjasama Industri - Projek CWGS (Versi 1.0 Jan 2016) dari pihak industri yang telah diisi dan disahkan.
- 1.5.8 Tempoh program mestilah tidak melebihi enam (6) bulan.
- 1.5.9 Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan projek.
- 1.5.10 Ketua Projek yang berpindah IPT hendaklah melepaskan kedudukan sebagai Ketua Projek. Ketua Projek perlu dilantik di kalangan staf tetap IPT. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan projek berkenaan.
- 1.5.11 Bilangan minima ahli projek ialah dua (2) orang ahli akademik termasuk Ketua Projek. Penyertaan sekurang-kurangnya seorang ahli industri adalah digalakkan.

## **1.6 PERATURAN PERMOHONAN**

- 1.6.1 Permohonan untuk Skim Geran CWGS perlu menggunakan Borang Permohonan CWGS (Versi 1.0 Jan 2016) melalui sistem atas talian (Borang Permohonan Skim Geran Penulisan Kes) yang terkini dari Kementerian Pendidikan Tinggi.
- 1.6.2 Permohonan untuk Skim Geran CWGS dibuka kepada projek CWGS yang menepati bidang tumpuan utama (perenggan 1.4) dan syarat (perenggan 1.5).
- 1.6.3 Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan oleh Jawatan Kuasa Teknikal CWGS.

## **1.7 KRITERIA PENILAIAN PERMOHONAN**

Projek yang dipohon mestilah dapat menghasilkan kajian kes yang memberi impak kepada industri dan kumpulan sasaran projek tersebut. Ia perlulah mempunyai salah satu atau lebih daripada perkara berikut:

- 1.7.1 Menghasilkan kajian kes bertaraf antarabangsa yang boleh di guna pakai dalam latihan dan pembelajaran oleh pelbagai lapisan masyarakat;
- 1.7.2 Melaksanakan kerjasama strategik dalam tempoh geran bersama industri secara berterusan dan mempunyai hasil yang boleh diukur melalui peningkatan kapasiti industri penerima atau kumpulan sasaran, dan proses perpindahan ilmu dua hala.

Keutamaan akan diberikan kepada projek yang mempunyai potensi menghasilkan kajian kes yang berkualiti tinggi dan menepati tatasusila penulisan kajian kes antarabangsa.

## 1.8 KAEDAH PENYALURAN DANA

Kaedah penyaluran dana penyelidikan akan dibuat di dalam dua (2) Fasa seperti berikut:

- i) Fasa 1 : 50% dari jumlah geran bagi setiap penulis/Ketua Projek yang berjaya dan;
- ii) Fasa 2: Baki geran 50% diagihkan kepada penulis/Ketua Projek yang berjaya menghasilkan kes lengkap setelah mendapat pengesahan Jawatan Kuasa Teknikal CWGS.

## 1.9 PERATURAN KEWANGAN

1.9.1 Bagi memudahcara dan melicinkan aktiviti penyelidikan dan penulisan, Ketua Penyelidik dibenarkan memohon pendahuluan menggunakan dana yang disalurkan melalui Fasa 1 seperti yang dinyatakan di klausa 1.8.

1.9.2 Ketua Projek diberi kebebasan untuk membuat perbelanjaan mengikut kod-kod perbelanjaan dibawah dengan mengemukakan resit-resit atau inbois asal kepada pejabat pembayar di universiti di mana Ketua Projek berkhidmat;

### 1.9.2.1 **Vot 11000**

#### Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2300 untuk pelajar Ph.D dan RM1800 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

### 1.9.2.2 **Vot 21000**

#### Perjalanan dan Pengangkutan

Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

### 1.9.2.3 **Vot 24000**

#### Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

#### 1.9.2.4 **Vot 27000**

##### Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

#### 1.9.2.5 **Vot 28000**

##### Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

#### 1.9.2.6 **Vot 29000**

##### Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

#### 1.9.2.7 **Vot 35000**

##### Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling universiti dimana Ketua Penyelidik berkhidmat.

1.9.3 Ketua Projek dan penulis yang berjaya menghasilkan kajian kes yang lengkap dan mendapat pengesahan Jawatan Kuasa Teknikal CWGS layak mendapat baki 50% dari jumlah dana. Penyaluran dana ini akan dibuat sebagai **Bayaran Khidmat Professional** di bawah **Vot 29000**.

1.9.4 Ketua Projek mempunyai hak untuk menentukan pembahagian Bayaran Khidmat Professional tersebut kepada penulis-penulis di bawah seliaannya.



## **1.10 HASIL PROJEK**

Setiap program perlu menetapkan sasaran yang relevan kepada objektif dan juga tujuan program CWGS untuk pengukuran keberhasilan program seperti berikut:

### **1.10.1 Hasil Pemindahan Ilmu**

Geran CWGS ini perlulah menyenaraikan hasil kepada perkara-perkara berikut berdasarkan kepada sasaran yang ditetapkan:

- Kajian kes yang lengkap berserta nota pengajaran.
- Pulangan kepada IPT (Pengiktirafan kepada ahli akademik; Latihan dan pembangunan ahli akademik).
- Pembangunan Modal Insan kepada ahli akademik dan pelajar.
- Jenis ilmu yang telah dipindahkan (akademia-industri; industri-akademia).

### **1.10.2 Penerbitan**

Semua projek mestilah menghasilkan penerbitan dalam bentuk kajian kes yang lengkap berserta nota pengajaran. Penghargaan kepada geran CWGS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap kajian kes yang diterbitkan.

### **1.10.3 Hak Harta Intelekt**

Harta Intelekt hasil geran CWGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia, industri dan IPT tertakluk kepada persetujuan bersama.

## **1.11 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

### **1.11.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan:**

Pihak KPT akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran CWGS melalui surat rasmi kepada IPT.

## **BAHAGIAN 2**

### **PENILAIAN**

#### **2.1 PENILAIAN PERMOHONAN**

- 2.1.1 Permohonan Skim Geran CWGS akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang tumpuan utama yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- 2.1.2 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas.
- 2.1.3 Pembetulan boleh dilakukan oleh Sekretariat/Urus Setia CWGS.
- 2.1.4 Rayuan dibenarkan jika permohonan tidak diluluskan (dalam tempoh yang ditentukan).

## **BAHAGIAN 3**

### **PEMANTAUAN**

#### **3.1 IMPLEMENTASI PROJEK**

3.1.1 Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran CWGS perlu dipantau dari aspek:-

- Prestasi projek

#### **3.2 PENGAWALAN PROJEK**

3.2.1 Setiap Ketua Projek perlu menghadiri Bengkel Penulisan Kes Fasa II serta mengisi dan menghantar laporan perkembangan projek kepada Urus Setia CWGS dengan menggunakan Borang Laporan Kemajuan Projek CWGS.

3.2.2 Kajian kes bersama nota pengajaran perlu dihantar selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tarikh tamat projek melalui sistem kepada Urus Setia CWGS.

## **BAHAGIAN 4**

### **KEPUTUSAN**

#### **4.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN**

- 4.1.1 Surat kelulusan projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Ketua Projek.
- 4.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh Bendahari CWGS IPT kepada IPT setelah surat kelulusan CWGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh KPT.

## **BAHAGIAN 5**

### **LAIN-LAIN**

#### **5.1 KETUA PROGRAM BERHENTI BERTUGAS DI IPT/BERPINDAH IPT**

Geran CWGS diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah IPT. Jika berlaku seperti di atas, geran tersebut masih di bawah kawal selia IPT yang diperakukan. Dengan itu, keputusan terhadap IPT tersebut akan digunapakai.

SEBARANG PERTANYAAN/MAKLUMAT TAMBAHAN BOLEH DIAJUKAN KEPADA:

**URUS SETIA GERAN PENULISAN KES - CWGS**

Universiti Teknologi Malaysia  
81310 UTM Skudai Johor, Malaysia  
Tel: +607 55 33133/31800  
Fax: +607 5566164

*b.p*

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA**